

KEJAYAAN PROGRAM SENTUHAN KASIH FELDA  
DI FELDA TENGGAROH 3, MERSING, JOHOR

SITI NORHAYATI BINTI MD BENU

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

KEJAYAAN PROGRAM SENTUHAN KASIH FELDA  
DI FELDA TENGGAROH 3, MERSING, JOHOR

SITI NORHAYATI BINTI MD BENU

Laporan tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah  
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2017

**“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani Segala Puji-  
Pujian Hanyalah Bagi Allah S.W.T Tuhan Sekalian Alam dan Salam ke Atas  
Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W”**

*Teristimewa buat Ayahanda, **Md Benu bin Kasmin**  
dan Ibunda, **Sapiah binti Saleh** tersayang...  
Ketabahan dan doamu mengiringi kejayaan anakanda*

*Sentiasa dalam ingatan adik-beradikku atas jasa dan dorongan dari  
**kakak dan adik-adik,**  
**Siti Suzana, Siti Noraqilah, dan Mohamad Haikal**  
Segala pengorbanan dan kasih sayang cukup bermakna buat diriku,  
Semoga Allah S.W.T merahmati kalian...*

*Terima kasih atas segala pengorbanan, inspirasi dan segalanya.  
Kejayaanku kejayaan kita bersama.  
Syukur Alhamdulillah.*

**Semoga usahaku selama ini mendapat keberkatan-Nya  
dan berakhir dengan kejayaan Insya-Allah...**

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke Hadrat Illahi dengan Izin-Nya, laporan projek sarjana ini dapat disempurnakan dengan baik dan lancar.

Setinggi-tinggi penghargaan khas buat Mejar Dr. Wan Ibrisam Fikry bin Hj. Wan Ismail selaku penyelia projek sarjana yang telah memberikan segala bentuk bimbingan, bantuan dan begitu komited sepanjang tempoh penyeliaan. Kepada Dr. Salfarina binti Samsudin, Dr. Robiah binti Suratman, Dr. Abd Halim bin Hamzah, dan Dr. Fauziah binti Raji, ucapan terima kasih diucapkan kerana memberi bantuan dan sokongan positif sepanjang perjalanan projek.

Ucapan terima kasih khasnya kepada En Muhammad Soufi bin Zulkiflee (Pengurus Sentuhan Kasih FELDA), Nur Hasnira binti A. Halim (Pembantu Tadbir), En Affif bin Yahya (Penyelia Rumah Hijau), dan En Farizal bin Ahmad Jait (Penyelia Ternakan Ikan) yang telah banyak memberi informasi dan sokongan idea kepada saya untuk menyiapkan projek ini. Kepada Peserta Sentuhan Kasih FELDA Tenggara 3, ucapan terima kasih diucapkan kerana memberi kerjasama dalam pengumpulan maklumat lapangan.

Akhir sekali, kepada rakan seperjuangan MGHN yang sama-sama menyiapkan projek ini, jasa baik kalian yang sentiasa memberi sokongan dan semangat amat memberi inspirasi kepada saya. Semoga kalian sentiasa dirahmati Allah dan sentiasa dikelilingi kejayaan pada masa hadapan. Terima kasih juga kepada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan projek ini.

## ABSTRAK

Transformasi pembangunan luar bandar melalui pertumbuhan ekonomi merupakan satu usaha untuk menyelesaikan masalah kemiskinan. Oleh itu, pihak FELDA memainkan peranan dalam menarik generasi kedua FELDA untuk memajukan kawasan FELDA di luar bandar melalui Program Sentuhan Kasih FELDA (SKF). Usaha ini dilakukan untuk mengatasi masalah kemiskinan, pengangguran dan penghijrahan desa ke bandar. Isu utama dalam kajian ini adalah mengenai isu perubahan pembangunan sosio ekonomi peserta Program SKF ekoran transformasi pembangunan luar bandar yang dilakukan oleh pihak FELDA dan faedahnya. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti komponen Program SKF. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji sumber pendapatan dan aktiviti pembangunan usahawan peserta Program SKF. Skop kajian ini berdasarkan komponen-komponen program SKF iaitu perumahan, pertanian dan kemudahan infrastruktur. Kaedah penyelidikan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif dengan menggunakan keseluruhan populasi di Program SKF. Hasil kajian mendapati majoriti peserta perempuan yang bekerja di tapak projek, manakala pasangan peserta bekerja di luar untuk menjana pendapatan. Pendapatan sampingan diperlukan untuk mengukuhkan perbelanjaan pendapatan isi rumah. Oleh itu, pembangunan usahawan merupakan jalan penyelesaian untuk mengukuhkan pendapatan bulanan isi rumah. Pembangunan usahawan di SKF hanya dijalankan bagi memenuhi keperluan individu dan isi rumah. Kepuasan berkaitan kemudahan dan infrastruktur perlu dibuat penambahbaikan supaya dapat mencapai kesejahteraan komuniti.

## **ABSTRACT**

*Rural development transformation through economic is an effort to solve problems of poverty. Therefore, FELDA plays role in attracting second generation of FELDA to develop rural FELDA area through Sentuhan Kasih FELDA (SKF) Program. This is to overcome the problem of poverty, unemployment and also rural-urban migration. The major issue in this study is about the changing and benefit of the development socio economic of the participant in SKF Program. This study is to identify component the SKF Programme. Besides, this also to studied the sources of income and entrepreneur development activities of the participant SKF Program. This scope study is based on SKF program's components which are housing, agriculture and facilities of infrastructure. Methodology in this studied are qualitative and quantitative method that using entire population in SKF Program. Result of the study showing that female participant working in project site, while male participant preferd working outside to generate more income. Side income is really needed to strengthen the income expenses of household. Therefore, developing the entrepreneur is the best solution to increased and improved monthly income of household. Implementation of improvement in entrepreneur of self program is to full-up the individual needs household. To achieve the community welfare, the satisfaction about facility and infrastructure have to be improved.*

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	v
	<b>DEDIKASI</b>	vi
	<b>PENGHARGAAN</b>	vii
	<b>ABSTRAK</b>	viii
	<b>ABSTRACT</b>	ix
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	x
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
	<b>SENARAI GAMBARAJAH</b>	xvii
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xviii
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xix
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar belakang Kajian	2
	1.3 Penyataan Masalah	5
	1.4 Matlamat dan Objektif Kajian	8
	1.5 Skop Kajian	9
	1.6 Kepentingan Kajian	9
	1.7 Metodologi Kajian	11
	1.8 Susunatur Bab	14

<b>2</b>	<b>PEMBANGUNAN PROGRAM SENTUHAN KASIH FELDA (SKF)</b>	
2.1	Pengenalan	16
2.2	Konsep Pembangunan Luar Bandar	16
	2.2.1 Definisi Pembangunan	16
	2.2.2 Pembangunan Luar Bandar	19
2.3	Teori Pembangunan	21
2.4	Konsep Pembangunan Luar Bandar di Luar Negara	25
	2.4.1 <i>Saemaul Undong</i> Korea Selatan	25
	2.4.2 <i>Ujamaa</i> Tanzania	29
2.5	Perancangan dan Pembangunan Sejagat	32
	2.5.1 Prinsip-prinsip Perancangan dan Pembangunan Sejagat	35
2.6	Konsep Program Sentuhan Kasih FELDA	36
	2.5.2 Kemasukan Peserta	37
2.7	Komponen-komponen Program Sentuhan Kasih FELDA	38
	2.7.1 Komponen Pembangunan Perumahan	38
	2.7.2 Komponen Pertanian Bersepadu	39
	2.7.3 Komponen Pembangunan Infrastruktur Moden	42
2.8	Pelaksanaan Program Sentuhan Kasih FELDA	43
2.9	Model Baharu Program Sentuhan Kasih FELDA	45
2.10	Kesimpulan	47
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	48
3.2	Reka Bentuk Kajian	49
3.3	Kaedah Penyelidikan	50
	3.3.1 Kaedah Kuantitatif	50
	3.3.2 Kaedah Kualitatif	51
3.4	Instrumen Kajian	51
	3.4.1 Borang Soal Selidik	51
3.5	Populasi	55



3.6	Teknik Pengumpulan Data	56
	3.6.1 Data Primer	56
	3.6.2 Data Sekunder	58
3.7	Teknik Analisis dan Persembahan Data	59
	3.7.1 Analisis Data	59
	3.7.2 Persembahan Data	60
3.8	Kesimpulan	60
<b>4</b>	<b>KAWASAN KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	61
4.2	Latar Belakang Program Sentuhan Kasih FELDA Tenggaroh 3	61
	4.2.1 Maklumat Asas Rancangan Program SKF	63
4.3	Carta Organisasi Pengurusan	64
4.4	Kesimpulan	65
<b>5</b>	<b>ANALISIS KAJIAN</b>	
5.1	Pengenalan	66
5.2	Latar Belakang Responden	67
	5.2.1 Jantina dan Umur	67
	5.2.2 Taraf Pendidikan	68
	5.2.3 Pendapatan Bulanan Isi Rumah	68
	5.2.4 Bilangan Isi Rumah	69
	5.2.5 Asal	69
5.3	Peserta Program Sentuhan Kasih FELDA	71
	5.3.1 Hubungan antara Jantina dengan Pekerjaan Sebelum	71
	5.3.2 Hubungan antara Jenis Pekerjaan dengan Pendapatan Bulan Pasangan	72
	5.3.3 Pendapatan yang Mencukupi	74
5.4	Penglibatan Peserta dengan Pembangunan Usahawan	75
	5.4.1 Penglibatan Peserta terhadap Bidang	

	Keusahawanan	75
5.4.2	Penyertaan dalam Kursus-Kursus Keusahawanan	77
5.4.3	Berminat dalam Penglibatan terhadap Bidang Keusahawanan	80
5.5	Kepuasan terhadap Kemudahan dan Infrastruktur Moden	82
5.5.1	Kepuasan terhadap Rumah yang Kondusif	82
5.5.2	Kepuasan terhadap Aktiviti Pertanian dan Industri Asas Tani	84
5.5.3	Kepuasan terhadap Kemudahan dan Infrastruktur yang Moden.	85
5.6	Kesimpulan	87
<b>6</b>	<b>CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	
6.1	Pengenalan	88
6.2	Penemuan Kajian	88
6.2.1	Penemuan Objektif Pertama	89
6.2.2	Penemuan Objektif Kedua	90
6.3	Implikasi Dasar dan Cadangan	92
6.4	Sumbangan Kajian	95
6.5	Limitasi Kajian	97
6.6	Cadangan Masa Depan	98
6.7	Kesimpulan	99
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	100
	Lampiran	106

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	PERKARA	MUKA SURAT
2.1	Komponen dan Kronologi <i>Saemaul Undong</i>	27
2.2	Ringkasan Model Baharu Program SKF	45
3.1	Skala 5 poin (Tahap Kepuasan Peserta)	54
3.2	Taburan Item Soal Selidik	54
4.1	Maklumat Ringkas Keluasan Tanah Rancangan Program SKF	63
5.1	Nilai Julat Kepuasan terhadap Rumah yang Kondusif	83
5.2	Kepuasan terhadap Rumah yang Kondusif	83
5.3	Nilai Julat Kepuasan terhadap Aktiviti Pertanian dan Industri Asas Tani	84
5.4	Kepuasan terhadap Aktiviti Pertanian dan Industri Asas Tani	85
5.5	Nilai Julat Kepuasan terhadap Kemudahan dan Infrastruktur yang Moden	86
5.6	Kepuasan terhadap Kemudahan dan Infrastruktur yang Moden	86

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	PERKARA	MUKA SURAT
1.1	Rangka Kerja Penyelidikan	11
2.1	Peringkat-peringkat Pertumbuhan Ekonomi Rostow	21
2.2	Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejangat	34
2.3	Gambaran Secara Ringkas Konsep SKF	37
2.4	Aliran Gerak Kerja Program Sentuhan Kasih FELDA	43
2.5	Prestasi Pendapatan Tahun 2013 hingga 2015	46
4.1	Carta Ringkas Organisasi Pengurusan Sentuhan Kasih FELDA	64
5.1	Jantina dan Umur Responden	67
5.2	Tahap Pendidikan Responden	68
5.3	Pendapatan Bulanan Isi Rumah Responden	69
5.4	Bilangan Isi Rumah	70
5.5	Asal Responden	71
5.6	Hubungan antara Jantina dengan Pekerjaan Responden Sebelum Menyertai Program Sentuhan Kasih	72
5.7	Hubungan antara Jenis Pekerjaan Peserta di Tapak Projek dengan Pekerjaan Pasangan	73
5.8	Hubungan antara Jenis Pekerjaan di Tapak Projek dengan Pendapatan Bulanan Pasangan	74
5.9	Pendapatan di Tapak Projek Mencukupi	75
5.10	Penglibatan dengan Bidang Keusahawanan	76
5.11	Jenis Produk Keusahawanan Responden	77
5.12	Penyertaan Responden dalam Kursus-kursus	

	Keusahawanan	78
5.13	Kesediaan dalam Menyertai Kursus Keusahawanan oleh FELDA	79
5.14	Kesediaan Responden terhadap Yuran Pendaftaran Kursus Keusahawan oleh FELDA	80
5.15	Taburan Responden berminat dalam Bidang Keusahawanan	81
5.16	Jenis Produk Keusahawanan	81

**SENARAI GAMBARAJAH**

<b>NO. GAMBARAJAH</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
2.1	Reka bentuk Rumah Sentuhan Kasih FELDA	39
2.2	Kaedah IRIS <i>Autopot Hydroponics</i>	40
2.3	Kaedah IRIS <i>Aquaponics</i>	41
2.4	Penternakan Ayam Kampong	42
2.5	Kemudahan dan Infrastruktur Moden	43
4.1	Peta Kawasan Sentuhan Kasih FELDA	
	Tenggaroh 3	62
6.1	Keadaan Rumah Hijau Tiada Penyelenggaraan	89

**SENARAI SINGKATAN**

DPPS	Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat
FELCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FGV	<i>FELDA Global Ventures</i>
FIC	<i>FELDA Investment Corporation</i>
INFRA	Institut Kemajuan Desa
JAKAO	Jabatan Kemajuan Orang Asli
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KESEDAR	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
KETENGAH	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
KEJORA	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara
KEDA	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KPF	Koperasi Permodalan FELDA
MARA	Majlis Amanah Rakyat
RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
SKF	Sentuhan Kasih FELDA

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Contoh Borang Soal Selidik	106



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Di Malaysia, transformasi pembangunan luar bandar seringkali dikaitkan dengan pembangunan melalui pertumbuhan ekonomi. Pembangunan luar bandar melalui pertumbuhan ekonomi merupakan usaha untuk menyelesaikan masalah kemiskinan (Ismail, 1999). Melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB), pembangunan ke kawasan luar bandar dapat menggalakkan kemajuan di sesuatu kawasan dan mempercepatkan perbandaran luar bandar. Masalah kemiskinan, pengangguran dan penghijrahan desa ke bandar dapat diatasi melalui usaha DEB.

Idea tentang pembangunan luar bandar sebagai transformasi masyarakat telah mendapat bentuk moden dalam penulisan tokoh sains sosial. Tokoh pengasas sosiologi moden seperti Comte (1788-1857), Marx (1818-1883), Spencer (1820-1903), Durkheim (1857-1917) dan Weber (1864-1920) iaitu mereka telah menggunakan konsep pembangunan untuk menerangkan sejarah manusia dan perubahan ke arah kemajuan secara berperingkat (Aziz, 2001). Oleh itu, transformasi merupakan pendekatan terhadap perubahan manusia dan persekitaran serta sosio ekonomi yang meliputi perubahan kuantiti dan kualiti dalam kehidupan luar bandar. Gabungan perubahan sosial, politik, ekonomi dianggap sebagai satu fenomena dalam pencapaian kesejahteraan hidup manusia yang harmoni.

Menurut Stiglitz (1999), pembangunan dianggap sebagai transformasi masyarakat yang melibatkan perubahan daripada segi pemikiran dan kaedah tradisional kepada cara yang lebih moden. Dengan kata lain, pembangunan itu mampu memperbaiki semua aspek kehidupan manusia kerana gabungan perubahan dari aspek sosial, ekonomi dan politik yang menjelaskan perubahan yang berlaku ke atas masyarakat luar bandar daripada suatu keadaan ke suatu keadaan yang lebih baik.

Walaupun transformasi dilihat membawa kepada perubahan positif tetapi kadangkala memberi implikasi sebaliknya kepada sesebuah pembangunan. Ini kerana ketidaktepatan perancangan atau ketidaksediaan penduduk tempatan dalam proses menerima perubahan akibat pembangunan. Oleh itu, sesebuah masyarakat perlu bersedia menerima proses perubahan kerana kadangkala kemajuan ekonomi melebihi kemampuan persekitaran fizikal dalam mengekalkan kelestariannya.

## **1.2 Latar belakang Kajian**

Semenjak mencapai kemerdekaan, Malaysia telah memberi tumpuan kepada pembangunan negara dari semua aspek untuk kepentingan penduduknya. Pembangunan bandar telah berlaku sebelum penjajahan British, manakala pembangunan luar bandar mengalami perubahan selepas kemerdekaan melalui Dasar Ekonomi Baru sehingga kini. Pembangunan luar bandar telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosio ekonomi pada masa kini mengikut acuan aliran ekonomi sesebuah kawasan itu sendiri. Sebelum ini, pembangunan luar bandar lebih bersifat tradisional yang mengutamakan pembangunan sektor tani (Ibrahim, 2002). Namun, pembangunan luar bandar masa kini cenderung kepada usaha meningkatkan peluang ekonomi, memperbaiki kualiti hidup ekonomi, memperkasakan modal insan, memperbaiki kualiti hidup penduduk luar bandar dan mengurus tadbir luar bandar secara cekap dan mapan (Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, 2017).

Pembangunan luar bandar dapat mengubah masyarakat luar bandar ke arah arus pembangunan perdana bagi meningkatkan kualiti hidup. Pembangunan luar bandar yang dilakukan sejajar dengan matlamat Wawasan 2020 yang memberikan penumpuan kepada pembangunan infrastruktur dan ekonomi. Perancangan transformasi lebih memfokuskan pembangunan ekonomi dan sumber manusia serta menaik taraf kemudahan-kemudahan infrastruktur dalam. Pembangunan luar bandar lebih mengutamakan '*empowerment*' masyarakat luar bandar. Oleh itu, pemikiran masyarakat lebih bersifat mampan dan dinamik, mencapai status ekonomi yang setaraf dengan peringkat nasional, dan berupaya menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan.

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau *Federal Land Development Authority* (FELDA) merupakan salah satu agensi yang memainkan peranan dalam program pembangunan masyarakat luar bandar dan telah diwujudkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Penubuhan FELDA telah membawa masyarakat FELDA mengecapi arus pemodenan negara termasuklah dengan pelaksanaan projek-projek pembangunan tanah dan aktiviti pertanian, perindustrian dan ekonomi komersial. Kemajuan FELDA dapat dibuktikan melalui beberapa usaha yang membuahkan hasil dengan wujudnya entiti korporat swasta dalam menjana pendapatan untuk meningkatkan taraf masyarakat FELDA. Antara entiti korporat terbesar adalah Koperasi Permodalan FELDA (KPF), *FELDA Global Ventures* (FGV) dan juga *FELDA Investment Corporation* (FIC). Antara Transformasi FELDA 2013 yang telah dirancang dan dijalankan adalah Program Sentuhan Kasih FELDA (SKF) untuk memberi peluang kepada generasi-generasi baharu FELDA untuk menetap di tanah rancangan FELDA dan menikmati pembangunan di kawasan mereka.

Pada 10 November 2012, Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengumumkan pembangunan Program SKF semasa Himpunan Generasi Baharu FELDA yang diadakan di UiTM Shah Alam,. Program SKF meliputi tiga komponen utama iaitu pembangunan rumah berkualiti tinggi, projek pertanian bersepadu dan pembangunan infrastruktur moden (Sentuhan Kasih FELDA, 2017). Projek ini telah dirancang dan dijalankan secara terperinci pada tahun 2013. Program SKF dilihat mampu membawa generasi baharu

FELDA dalam cabaran dunia global menerusi projek pertanian dan industri asas tani. Sasaran Program SKF ini kepada golongan Generasi baharu FELDA yang tidak mempunyai pendapatan tetap, tinggal di tanah rancangan dan tidak mampu memiliki rumah sendiri.

Oleh itu, masalah penghijarahan dalam kalangan generasi muda FELDA ke bandar untuk mendapatkan peluang pekerjaan dapat dikurangkan. Program ini mampu untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan generasi kedua FELDA. Selain itu, program ini mampu untuk mencapai matlamat FELDA sebagai penjana ekonomi utama masyarakat luar bandar menjelang tahun 2020. Dengan adanya kemudahan infrastruktur moden yang disediakan dalam program ini akan meningkatkan pembangunan modal insan dan integrasi komuniti tersebut.

Menurut Sentuhan Kasih FELDA (2017), matlamat utama Program SKF adalah untuk membina masyarakat FELDA yang lestari untuk pembangunan FELDA. Tujuan program ini dilaksanakan bukan sahaja untuk menyediakan rumah yang selesa kepada golongan generasi kedua tetapi melaksanakan projek pertanian yang bersepadu dengan melibatkan objektif tersebut:

- i. Menyediakan rumah yang selesa untuk generasi baharu FELDA
- ii. Memberi pekerjaan dan jaminan pendapatan tetap serta pembangunan usahawan melalui aktiviti pertanian dan industri asas tani
- iii. Membentuk satu komuniti yang harmoni dan berinovasi dengan kemudahan asas yang moden dan sempurna
- iv. Memperkasa generasi baharu FELDA dalam cabaran dunia global menerusi projek perumahan pintar
- v. Sebagai pemangkin kepada hasrat FELDA untuk menjadi Gedung Makanan Negara.

Secara umumnya, Program SKF adalah satu Program Pembangunan Bersepadu yang bermatlamat untuk memperkasakan Generasi Baharu FELDA dan mewujudkan

komuniti contoh luar bandar dalam memenuhi visi dan misi FELDA. Program ini merupakan usaha FELDA untuk menyumbang kepada kehidupan yang lebih baik kepada generasi kedua FELDA terutamanya impak sosio ekonomi mereka. Melalui Skim Penyediaan Rumah dan Pembangunan Ekonomi berasaskan aktiviti pertanian dan industri asas tani akan memberi peluang baru kepada Generasi Baharu FELDA lebih berinovasi dalam menghadapi cabaran dunia yang semakin kompetitif.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Kajian pembangunan warga FELDA banyak dijalankan terutamanya pembangunan generasi baharu FELDA seperti pelaksanaan Projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF). Sebaliknya, kajian ini berkaitan dengan pembangunan Program Sentuhan Kasih FELDA (SKF) tiada dijalankan sehingga kini yang bertujuan untuk mengkaji lebih mendalam pembangunan generasi baharu FELDA. Kajian ini memberi tumpuan kepada kejayaan Program SKF yang telah dibangunkan oleh pihak FELDA.

Pertanian merupakan sektor keempat terpenting dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara (Malaysia, 2016). Pembangunan ekonomi dan sosial di Malaysia dapat ditingkatkan melalui aktiviti sektor pertanian. Walau bagaimanapun, masalah kemiskinan terutama di kawasan luar bandar sering dikaitkan dengan sektor pertanian. Pertanian merupakan sumber pendapatan dan kelangsungan hidup kepada masyarakat luar bandar. Projek menjana pendapatan dan menyediakan peluang pekerjaan merupakan salah satu langkah bagi mengurangkan kemiskinan luar bandar (Malaysia, 2016).

Isu utama dalam kajian ini adalah mengenai isu perubahan pembangunan sosio ekonomi peserta program SKF ekoran transformasi pembangunan luar bandar yang dilakukan oleh pihak FELDA dan faedahnya. Pada asasnya transformasi pembangunan luar bandar untuk generasi kedua yang dilaksanakan di wilayah-wilayah FELDA menunjukkan pencapaian positif pelbagai sudut mencakupi pertumbuhan ekonomi,

prasarana, perumahan dan penerimaan generasi kedua untuk menyertai Program Sentuhan Kasih FELDA kerana pelbagai inisiatif disediakan oleh pihak FELDA. Namun kini, transformasi tersebut memberikan kesan kepada pembangunan sosio ekonomi peserta dari aspek pendapatan dan pembangunan usahawan.

Sektor pertanian sehingga kini masih kekurangan penglibatan golongan generasi muda, terutamanya belia berpendidikan tinggi (Zainal Abiddin, *et al*, 2015). Golongan ini diperlukan oleh negara untuk menaiktaraf industri asas tani, dan memperbanyakkan pekerja berkemahiran yang terlibat dalam sektor pertanian. Oleh itu, pihak FELDA mengambil langkah untuk menarik golongan generasi muda atau generasi kedua untuk membangunkan kawasan FELDA dengan menyediakan peluang pekerjaan dan pelbagai prasarana moden seperti perumahan, infrastruktur moden, dan mengusahakan pertanian secara moden.

Impak transformasi pembangunan luar bandar yang dilaksanakan oleh pihak FELDA telah memberikan peluang pekerjaan dan menjamin pendapatan tetap kepada generasi baharu FELDA melalui aktiviti pertanian dan industri asas tani. Penetapan skim pendapatan peserta telah ditetapkan oleh pihak FELDA sebanyak RM1,500 hingga RM2,000. Pendapatan bersih yang diperolehi oleh peserta hanya RM900 sehingga RM1,400 (Sentuhan Kasih, 2017). Menurut Akta Perundangan Gaji Negara 2011, perintah gaji minimum semenanjung Malaysia 2016 adalah RM1,000. Walau bagaimanapun, FELDA telah menawarkan gaji bulanan kepada pihak peserta sebanyak RM1,500. Namun, masalah kos sara hidup yang meningkat menyebabkan jumlah pendapatan yang diperolehi di ladang masih tidak relevan. Oleh itu, pendapatan di ladang masih belum menjamin kelestarian kehidupan masyarakat luar bandar lebih terjamin.

Pembangunan usahawan tani merupakan salah satu sumber untuk menjana pendapatan dan pembasmian masalah kemiskinan. Kerjasama pelbagai pihak diperlukan untuk meningkatkan pembangunan keusahawanan tani yang kompetitif. Pembangunan dan pelaksanaan memerlukan persekitaran yang menyokong (*condusive environment*)

untuk dimajukan. Pembangunan tersebut memerlukan pelaksanaan infrastruktur dan polisi serta kerjasama pihak swasta yang berkemampuan untuk membantu menanggung risiko dalam pelaksanaan (World Bank, 2003). Menurut SKF (2017), pembangunan usahawan program SKF masih belum dilaksanakan. Pembangunan usahawan di SKF masih diperingkat individu. Produk yang dihasilkan oleh peserta bukan berasaskan pertanian SKF. Oleh itu, pihak FELDA dan pihak SKF perlu memainkan peranan dalam membuka peluang bidang keusahawanan kepada peserta-peserta Program SKF dalam meningkatkan pendapatan mereka.

Program SKF telah menetapkan lima objektif untuk dicapai. Penubuhan Program SKF telah dilaksanakan selama tujuh tahun (2010 hingga 2017). Namun, sepanjang tujuh tahun Program SKF hanya mencapai tiga objektif daripada lima objektif yang telah ditetapkan oleh pihak FELDA. Tujuh tahun merupakan tempoh yang lama dan pelbagai usaha boleh diambil untuk tujuan penambahbaikan Program SKF.

Secara awalnya, di peringkat pelaksanaan Program SKF terdapat dua kuasa iaitu dua pentadbiran yang mengawal proses perjalanan program. Program ini telah diuruskan oleh pihak IRIS Corp dan wakil FELDA untuk menjana pendapatan. Kini, program ini telah diuruskan secara penuh oleh pihak FELDA sendiri kerana masalah pertindahan kuasa pentadbiran dan masalah dalaman yang berlaku. Peralihan pentadbiran dari pihak IRIS Corp kepada FELDA telah menyebabkan perubahan pengubahsuaian sebahagian tapak projek yang telah mengganggu hasil produktiviti program tersebut. Contohnya, tapak semaian dan penanaman terpaksa ditangguhkan sementara waktu kerana bekalan benih-benih tanaman terhad. Oleh itu, hasil pengeluaran tidak dapat dipasarkan akibat ketidakadaan bekalan tanaman dan menyebabkan pendapatan tidak dapat dijana secara maksimum. Proses penanaman terpaksa ditangguh sementara waktu, dan peserta program bekerja sebagai *'housekeeping'* di kawasan tapak projek. Menurut pihak pengurusan, dijangka bulan Februari atau Mac tapak pertanian akan dijalankan kembali, tetapi mereka perlu menunggu bekalan daripada pihak FELDA sendiri. Menurut Schultz (1994), faktor produktiviti ladang yang semakin rendah disebabkan kekurangan input

tertentu. Selain itu, pengurangan pengeluaran semula modal akan berlaku apabila penghasilan produktiviti ladang yang rendah. Peningkatan kualiti input melalui pendekatan praktikal seperti penyelidikan, pendidikan dan pengetahuan tentang amalan dan teknologi moden dapat mencapai hasil pulangan yang lumayan berbanding pertambahan kuantiti input.

#### **1.4 Matlamat dan Objektif Kajian**

Matlamat utama kajian adalah tahap pencapaian **Program Sentuhan Kasih FELDA (SKF) di Tenggaroh 3, Mersing, Johor**. Bagi mencapai matlamat kajian, beberapa objektif kajian diperlukan iaitu:

- i. Mengenalpasti komponen Program SKF
- ii. Mengkaji sumber pendapatan dan aktiviti pembangunan usahawan peserta Program SKF



## **1.5 Skop Kajian**

Kajian mengenai Program SKF masih belum dilakukan oleh mana-mana penyelidik. Oleh itu, kajian ini merupakan kajian pertama yang dilakukan untuk mendalami Program SKF. Skop kajian ini menumpukan komponen Program SKF FELDA. Penelitian berdasarkan tiga komponen utama dalam program SKF iaitu pembangunan perumahan yang berkualiti tinggi, pertanian bersepadu dan pembangunan infrastruktur moden. Ketiga-tiga dikatakan mampu untuk menyumbang kepada lima objektif program SKF

FELDA Tenggaroh 3 merupakan Program SKF yang pertama dijalankan di 13 kawasan tanah rancangan FELDA terpilih. Oleh itu, SKF di FELDA Tenggaroh 3 dipilih dengan melibatkan keseluruhan peserta Program SKF. Melalui kajian ini, penyelidik akan melihat aktiviti pembangunan usahawan dan kepuasan peserta terhadap Program SKF.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

### **1.6.1 Peserta Program SKF**

Kepentingan kajian ini kepada peserta Program SKF adalah mampu memberi kefahaman yang lebih jelas dan mendalam mengenai sumbangan program ini kepada mereka. Penambahbaikan pelaksanaan komponen-komponen program dapat meningkatkan produktiviti dan sosio ekonomi peserta.

### **1.6.2 Pihak Felda**

Kajian ini dapat menunjukkan tahap keberkesanan program SKF dapat menyumbang kepada kehidupan peserta iaitu golongan generasi kedua Felda. Penambahbaikan


pelaksanaan dan sistem pengurusan dapat dilakukan dengan menganalisis sejauhmana program ini dapat menyumbang dan menjaga kebajikan golongan generasi kedua Felda. Masalah dalaman dan luaran dapat diatasi supaya peningkatan hasil produktiviti program dapat diuruskan secara telus oleh pihak pengurusan SKF.

### **1.6.3 Institusi Luar Bandar dalam Negara atau Luar Negara**

Institusi luar bandar seperti pihak pengamal pertanian akan dapat manfaat daripada kajian ini apabila mereka dapat menjadikan Program SKF sebagai rujukan untuk merancang strategi kearah pertanian akuakultur yang moden dan efisien. Melalui kajian ini, pengamal pertanian dapat menentukan potensi pengeluaran hasil pertanian yang produktif dengan penambahbaikan pelaksanaan program SKF.

## 1.7 Metodologi Kajian

Menurut Kerlinger (1973), objektif kajian dapat dicapai melalui penyediaan reka bentuk kajian dalam suatu penyelidikan. Reka bentuk kajian akan memandu pelaksanaan kajian untuk mendapatkan maklumat dan data yang berkaitan dengan penyelidikan.



**Rajah 1.1: Rangka Kerja Penyelidikan**

(Sumber: Penyelidik, 2017)

### **1.7.1 Peringkat Pertama**

Pada awalan kajian, penentuan masalah penyelidikan untuk mendapatkan idea untuk menentukan tajuk sesuatu penyelidikan. Penilaian isu penyelidikan dengan adanya sumber-sumber data sekunder yang diperoleh seperti:

- i. Pembacaan artikel daripada jurnal atau laporan
- ii. Pengalaman peribadi penyelidik
- iii. Laporan akhbar
- iv. Dokumentasi rasmi kerajaan

Oleh itu, penentuan objektif dapat digarap setelah penyataan masalah ditentukan. Objektif memainkan peranan untuk menentukan halatuju dan keutamaan penyelidikan. Objektif sesuatu penyelidikan mengandungi perkara-perkara yang hendak dicapai dan dilaksanakan dalam sesuatu penyelidikan

Seterusnya, penyelidik telah mengenalpasti tapak kajian berdasarkan projek yang pertama dilancarkan untuk generasi baharu oleh pihak FELDA. Projek ini mengamalkan tiga komponen iaitu pembangunan rumah berkualiti, pertanian bersepadu dan infrastruktur moden.

### **1.7.2 Peringkat Kedua**

Pada peringkat kedua, kajian literatur dan kajian kes akan dianalisis mengikut keutamaan. Kajian literatur telah dilakukan dengan mendapatkan maklumat berkaitan daripada sumber-sumber rujukan dan berkesinambungan dengan sumber data sekunder. Tujuan peringkat literatur adalah untuk menimba ilmu mengenai konsep-konsep, reka bentuk serta teori-teori yang digunakan dalam komponen Program SKF.

Peringkat ini juga melibatkan pembelajaran dan pemahaman terdapat konsep yang dipilih dan menggunakan konsep secara efisien di tapak kajian. Pemahaman

terhadap konsep dan komponen Program SKF perlu dilihat secara terperinci supaya penilaian projek dapat dijalankan.

#### **1.7.2.1 Pengumpulan Data**

Pengumpulan data berdasarkan objektif kajian yang ditentukan. Data-data diperolehi dari hasil temubual dengan pihak pengurusan untuk mendapatkan maklumat mengenai pelaksanaan Program SKF dan melibatkan kaedah pemerhatian di lapangan untuk mengetahui keadaan sebenar lapangan. Selain itu, soal selidik dan temubual secara terbuka dengan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif terhadap peserta program untuk menilai faedah dan kepuasan terhadap Program SKF.

#### **1.7.3 Peringkat Ketiga**

Peringkat ketiga, data-data primer dan sekunder yang diperolehi akan dianalisis untuk mendapatkan penemuan yang sahih. Hasil penemuan memerlukan penyelarasan dengan pencapaian objektif kajian yang ditentukan iaitu penilaian pelaksanaan komponen-komponen Program SKF yang boleh menyumbang kepada kehidupan peserta dan penduduk setempat, penilaian terhadap pembangunan sosio ekonomi peserta, dan penilaian tahap kepuasan peserta terhadap program yang dijalankan oleh pihak FELDA. Maklumat yang diperolehi akan menerangkan fenomena dan pelbagai kesimpulan berdasarkan data yang diperolehi.

#### **1.7.4 Peringkat Keempat**

Peringkat ini merupakan peringkat yang terakhir dalam penghasilan kajian yang meliputi cadangan dan kesimpulan penyelidikan. Cadangan ini melibatkan penambahbaikan strategi pelaksanaan Program SKF yang mengamalkan tiga komponen untuk menjana penghasilan produktiviti yang berkualiti. Selain itu, cadangan penambahbaikan juga boleh meningkatkan pembangunan sosio ekonomi peserta melalui

penjanaan pendapatan sampingan peserta. Kesimpulan kajian merupakan ringkasan menyeluruh kajian yang dijalankan untuk kepentingan bersama.

## **1.8 Susunan Bab**

Secara keseluruhan penyelidik akan menerangkan kajian mengikut bab supaya penyelidikan dilihat lebih teratur dan sistematik. Keseluruhan kajian mengandungi enam bab yang akan diperincikan dan diperdalam secara teliti.

**Bab Satu** merupakan Bab Pengenalan yang menerangkan tentang isu dan masalah, matlamat dan objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, dan aliran penyelidikan. Perkara ini dapat membantu penyelidik untuk menjalankan kajian dengan lebih sistematik dan komprehensif.

**Bab Dua** membincangkan tentang kajian teoritikal dan literatur. Bab ini akan dimulakan dengan takrifan, dan konsep luar bandar. Pendekatan teori pembangunan ekonomi juga digunakan untuk melihat setiap tahap perubahan pembangunan ekonomi. Pelaksanaan pembangunan luar bandar dari beberapa negara luar juga digunakan dalam menerangkan konsep pembangunan luar bandar. Kajian terhadap elemen dan kriteria perancangan dan pembangunan sejagat dapat memenuhi keperluan dan kehendak penduduk setempat program SKF. Komponen Program SKF juga dijelaskan dalam bab ini. Keseluruhannya, pembangunan luar bandar di luar negara dapat menjelaskan lagi menyokong keperluan kajian ini.

**Bab Tiga** membincangkan metodologi kajian yang akan digunakan dalam kajian ini. Dalam bab ini akan diterangkan juga mengenai metod yang digunakan untuk mengumpul data dan maklumat. Edaran borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan respon peserta SKF. Peserta Program SKF seramai 86 orang merupakan

responden utama dalam penyelidikan ini. Kaedah menganalisis data akan ditentukan melalui bab ini iaitu penggunaan SPSS.

**Bab Empat** menerangkan latar belakang kajian kes iaitu maklumat asas tanah rancangan SKF FELDA Tenggaroh 3, dan organisasi pengurusan.

**Bab Lima** lebih kepada analisis dan sintesis kajian. Setiap dapatan yang diperolehi akan ditafsirkan berdasarkan sokongan beberapa bukti dan hujah daripada pemerhatian, latar belakang teori, pendapat sarjana dan kajian lepas.

Secara tidak langsung kajian lepas yang berkaitan pembangunan luar bandar dapat membantu penyediaan **Bab Enam**. Bab Enam mengandungi perbincangan mengenai penemuan dan cadangan kajian yang dapat membantu kepada penambahbaikan Program SKF. Seterusnya, penyelidik akan merumuskan pencapaian matlamat dan objektif kajian. Limitasi dan pandangan cadangan kajian lanjutan akan dikemukakan dengan melibatkan pelbagai aspek yang berkaitan dalam subjek ini.

## BIBLIOGRAFI

- Abdullah, H.A., Pawanteh, L., Syed Abdullah, S.M., & Mustaffa, N. (2010). Kesedaran dan Sikap Komuniti dalam Pengurusan Persekitaran Di Wilayah Iskandar, Johor. *Jurnal Melayu*. 2010. 5: 71-86.
- Abd Razid, M. A. (2011). *Transformasi Ekonomi Mula Menampakkan Kesan*. Dicapai pada 20 April 2017 dari [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0111&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_06.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0111&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_06.htm).
- Abrahams. R.G. 1981. *The Nyamwezi Today. A Tanzanian People in the 1970s*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ahmad Mahdzan. (2007). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ahmad, A. (2000). Ketaksamaan Kesejahteraan Sosial di Malaysia: Suatu Manifestasi Pembangunan Tak Seimbang? Dalam Rostam, K. et al. (2000). Alam, Manusia dan Pembangunan di Malaysia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Geografi*. Bangi: Penerbit UKM.
- Alden, J. D., & Awang, A. H. (1985). *Regional development planning in Malaysia*. *Regional Studies*, 19(6), 495-508.
- Alexander, K.C. (1994). *The Process of Development of Societies*. Sage: London.
- Ang Kean Hua. (2016). Pengenal Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Kes. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol 1(1). Pg 17-23.
- Asian Development Bank. (2012). *The Saemaul Undong movement in the Republic of Korea: Sharing knowledge on community-driven*. Philippines: Mandaluyong City,
- Aziz, R. (2001). *Pengantar Sosiologi Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Azlizan Talib, *et al.* (2012). Penyertaan komuniti dalam bidang keusahawanan luar bandar. *Malaysia Journal of Society and Space*. Vol 8(9). Pg 84 – 96.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education.
- Creswell, J.W. (2005). *Research design: Qualitative and Quantitative approaches*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Douglass, M. (2013). *The saemaul undong: South Korea's rural development miracle in historical perspective*. Asia Research Institute, National University of Singapore.
- Elbendak, O. E. (2008). *Urban Transformation and Social Change in a Libyan City: An Anthropological Study of Tripoli*. Dicapai pada 13 Mei 2017 dari [http://eprints.nuim.ie/1332/1/Ph.D\\_Thesis.pdf](http://eprints.nuim.ie/1332/1/Ph.D_Thesis.pdf).
- Edward P. Reed. (2010). Is Saemaul Undong a Model for Developing Countries Today?. *Paper presented at International Symposium in Commemoration of the 40th Anniversary of Saemaul Undong Korea*. Saemaul Undong Center 30 September 2010.
- Fatimah Mohd Arshad, Mad Nasir Shamsuddin (1997) *Rural Development Model in Malaysia* Available from: <http://www.econ.upm.edu.my/fatimah/rural.pdf>.
- Fernando, N. A. (2008). *Rural Development Outcomes and Drivers: An Overview and Some Lessons*. Manila: Asian Development Bank.
- Fidlizan Muhammad, *et al.* (2015). Kehidupan kelas menengah Malaysia: Satu kajian kes mengenai corak perbelanjaan guru dalam pemilikan aset dan pelaburan kewangan. *Malaysian Journal of Society and Space*. Vol 11(11). Pg (1 - 13).
- Geiger. S. (1965). *Gender and Culture in the Making of Tanganyika Nationalism*. Nairobi: Heinemann.
- Ha, Jea Hoon. (2010). *Saemaul movement as a development model*. An academic paper presented at a seminar organized by National Council of Saemaul Undong Movement in the Republic of Korea.
- Hnoli. O. (1980). *Self-reliance and Foreign Policy in Tanzania*. The dynamics of the Diplomacy of a new state: Nairobi East Africa Publishing house.

- Ibhawoh, B., & Dibua, J. I. (2003). Deconstructing Ujamaa: The legacy of Julius Nyerere in the quest for social and economic development in Africa. *African Journal of Political Science*, 8(1), 59-83.
- Ibrahim, Y. (2009). *Komuniti Pembangunan dan Transformasi*. Bangi. Penerbit UKM.
- Ibrahim, Y. (2002). *Proses Industrialisasi Luar Bandar: Impak Terhadap Komuniti Di Tanah Rancangan Felda*. Dalam Z. Mohamad, L. Z., Jemain, A. A, Hussain, M. Y.& Shahabuddin, F. A. A.(2002). *Impak Pembangunan: Kualiti Hidup dan Persekitaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sd. Bhd.
- Ingle. C. (1972). *From Village to State in Tanzania, The politics of Rural Development*. Ithaga and London: Cornell University Press..
- Ismail, M. (1999). *Pengembangan Implikasi Ke Atas Pembangunan Masyarakat: Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. (2017). *Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar*.
- Kerlinger, F.N. (1973). *Foundations of Behavioral Research*. New York: Holt, Rinehart & Winston, Inc.
- Malaysia, & Malaysia. (2016). *Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) & Perintah hingga 1 April 2016*. Selangor: International Law Book Services.
- Malaysia, & Malaysia. (2015). *Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) & Perundangan Subsidiari Terpilih hingga 10 Mac 2015*. Selangor: International Law Book Services.
- Malaysia. (2005). *Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Sejangat*. Kuala Lumpur: Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
- Malaysia. (2016). *Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020)*. Kuala Lumpur: Percetakan Negara Malaysia Berhad.
- Marican, S. (2005). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Malaysia: Prentice Hall/Pearson.
- Maslow A.H. (2012). *A Theory Of Human Motivation*. United States Of America: Start Publishing LLC.
- Midgley, J. (2005): *Social Development: The Developmental Perspective In Social Welfare*. London: SAGE Publications Ltd.

- Mohammad Ikmal Kadir. (2015). Pendapatan, Perbelanjaan dan Kebajikan Isi Rumah. Diakses pada 10 Mei 2017 di [https://www.mier.org.my/newsarticles/archives/pdf/ikmal19\\_08\\_2015.pdf](https://www.mier.org.my/newsarticles/archives/pdf/ikmal19_08_2015.pdf)
- Mohd Noor Mohd Syarif, Samsuri Samsudin (2008) Keusahawanan peladang di Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA): Kajian dari sudut pendekatan sikap. *International Journal of Management Studies (IJMS)* 15 (1), 161-180.
- Mohd. Nain, A. S.& Md. Yusoff, R. (2003). *Konsep, Teori, Dimensi, Isu Pembangunan*. Skudai, Johor: Penerbit UTM.
- Mowforth M, Munt I (1998) *Tourism and sustainability: New tourism in the third world*. Routledge, London & New York.
- Neuman, W.L. (2006). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Toronto: Pearson.
- Nyerere. (1967). *Freedom and Unity*. London & Nairobi: Oxford University Press.
- Nik Hashim Nik Mustapha. (1996). *Perancangan Pembangunan Pertanian di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Othman Mohamed. (2001). *Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Malaysia: Serdang, Universiti Putra Malaysia.
- Othman Talib. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik*. Malaysia: Serdang, Universiti Putra Malaysia.
- Portes, Alejandro, and Adreain R. Ross. 1976. Modernization for Emigration: The Medical Brain Drain from Argentina. *Journal of Interamerican Studies and World Affairs*. Vol 13. Pg 395-422.
- Reed, Edward P. (2010, "Is Saemaul Undong a Model for Developing Countries Today?: Review of the 40-year history and future perspective of Saemaul Undong in the 21st century. Academic paper in Republic of Korea language presented at the International Symposium in Commemoration of the 40<sup>th</sup> Anniversary of SU Movement. Seoul.
- Rozali Hashim. (2005). *Pengurusan Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sabitha Marican. (2006). *Penyelidikan Sains Sosial: Pendekatan Pragmatik*. Selangor: Edusystem Sdn. Bhd.

- Schultz, T. W. (1994). *Transforming Traditional Agriculture*. Yale: Yale University Press.
- Seers, D. (1979) 'The Meaning of Development, with a Postscript', in D. Seers, E.W. Nafziger, D.C. O'Brien and H. Bernstein (eds), *Development Theory: Four Critical Studies*. London: Frank Cass.
- Sentuhan Kasih FELDA. (2017). Projek Sentuhan Kasih FELDA Tenggara 3, Mersing, Johor.
- Shafii, Haryati, *et.al.* (2009). *Pembangunan modal insan ke arah meningkatkan kualiti hidup masyarakat*. In: International Conference on Human Capital Development (ICONHCD 2009), 25-27 Mei 2009, Kuantan, Pahang
- Shneider. L. (2004). Freedom and Unfreedom in Rural Development: Julius Nyerere, Ujamaa Vijijini, and villagisation. *Canadian Journal of African Studies*. Vol 38. no 2
- Sinar Harian. (2014, Julai 12). Agensi Inovasi Malaysia Tekankan Kepentingan Inovasi. Diakses pada 19 Mei 2017 di <http://www.sinarharian.com.my/aim-tekankan-kepentingan-inovasi-1.298747>
- Stiglitz, J. (2002). Participation And Development: Perspectives from the comprehensive development paradigm. *Review of Development Economics*, 6(2), pp. 163-182.
- Todaro, M.P. & Smith, S.C. (2011). *Economics Development*. United States: Pearson
- Willis, K. (2011). *Theories and practices of development*. Taylor & Francis.
- World Bank. (2003). *Scaling up for poverty reduction. (Module 1., Agricultural Investment Sourcebook)*. Washington, DC: World Bank.
- World Bank (2003) Promoting agro-enterprise and agro-food systems development in Developing and Transition Countries: Towards an operational strategy for the World Bank Group. Available from: [http://www.infodev.org/infodev-files/resource/InfodevDocuments\\_927.pdf](http://www.infodev.org/infodev-files/resource/InfodevDocuments_927.pdf).
- W.W.Rostow. (1960). *The Stages of Economics Growth: A Non-Communist Manifesto*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Wu, B. (2003). *Farmer Innovation and Self-Organization in Marginal Areas. Sustainable development in Rural China*. London & New York: Routledge

- Yona, M. (2008). *Popular histories of independence and Ujamaa in Tanzania* (Doctoral dissertation, University of the Western Cape).
- Zainal Abiddin, Norhasni, Mohd Ashraff Mohd Anuar & Anzar Abdullah. (2015). Penglibatan Belia dalam Pertanian Komersial dan Perkembangan Industri Pertanian di Malaysia. *South-East Asian Journal for Youth, Sports & Health Education*. Vol.1(1) April, pp.99-108.
- Zaleha Kamarudin. (1996). *Pembangunan Insan Pengalaman U.I.A.M.* Seminar Penyelidikan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK).